

16 MAY 2000

Mahathir-Guru

MAHATHIR MINTA GURU JANGAN SEMAI NILAI BURUK

IPOH, 16 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta guru-guru jangan menyemai di kalangan murid-murid nilai dan budaya buruk yang memecah-belahkan perpaduan dan melemahkan budaya bangsa dan negara.

Perdana Menteri berkata guru, menyedari pengaruh mereka ke atas murid, sebaliknya harus menggunakan peluang itu untuk menyemaikan nilai-nilai yang boleh melahirkan bangsa yang maju dan berjaya.

"Hanya kerana kita tidak suka kepada mana-mana pihak tidak seharusnya mendorong kita supaya gagal dan menghancurkan masa depan negara dan bangsa dengan menyemai nilai buruk di kalangan murid dengan menyebabkan murid lemah dan berpecah di kemudian hari ini," katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 2,000 guru pada perasmian sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan di sini.

Dr Mahathir berkata guru perlu menyemai nilai dan budaya yang sesuai dengan masyarakat yang bermaruah dan perkembangan semasa termasuk menukar budaya lama yang dibentuk pada zaman penjajahan dengan budaya baru yang boleh menjayakan bangsa.

"Tentulah merugikan bangsa jika kita tidak mengambil peluang ini tetapi sebaliknya kita semai nilai hidup yang buruk dan membentuk budaya yang melemahkan kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sebenarnya orang yang menjadi budaya buruk yang dibangunkan oleh guru melalui pendidikan sekolah bukanlah "orang yang mereka salahkan pada masa ini" tetapi generasi yang akan datang.

Beliau berkata nilai-nilai mulia yang disemai oleh guru semasa di bangku sekolah akan dipegang teguh oleh murid sepanjang hayat mereka.

Jika guru menyemaikan nilai dan budaya yang sesuai dengan masyarakat yang bermaruah, yang yakin pada diri sendiri, yang suka mengejar kejayaan, maka sudah tentu bangsa berkenaan akan mencapai kemajuan dan mendirikan tamadun yang tinggi, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata oleh kerana nilai-nilai hidup dan budaya sesuatu bangsa boleh disemai dan dibentuk secara terancang, maka tidak ada sebab kenapa rakyat negara ini tidak boleh berjaya dan dimajukan dengan penyemaian nilai-nilai hidup yang sesuai untuk mencapai kejayaan.

Dr Mahathir juga berkata guru perlu bersedia dalam menghadapi zaman teknologi maklumat (IT) ini memandangkan peralatan untuk mengajar amat canggih sehingga guru kini terpaksa mempelajari cara penggunaannya yang tidak termasuk dalam kurikulum latihan perguruan dahulu.

Beliau berkata semua guru juga perlu bersiap sedia mengajar di sekolah bestari memandangkan kerajaan berhasrat menjadikan semua sekolah di negara ini sekolah bestari.

"Amatlah malang jika kita belanja wang yang banyak untuk sekolah bestari ini tetapi kita tidak mendapat manfaat kerana kekurangan guru bestari," katanya.

Beliau berkata tidak dapat dinafikan peranan guru dalam menyediakan warganegara yang mampu menangani zaman IT amatlah besar dan penting.

"Tanpa kecekapan dalam IT dengan alat dan caranya, bangsa kita mungkin ketinggalan zaman dan dikuasai oleh bangsa-bangsa yang cekap memperalatkan teknologi maklumat untuk menguasai ilmu, kecekapan ekonomi, politik dan juga budaya dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Hari ini pun kita sudah dikuasai sedikit sebanyak dalam bidang-bidang tertentu. Nilai-nilai kemasyarakatan kita juga telah berubah kerana mudahnya sebaran melalui satelit, Internet dan televisyen yang ditonton oleh kita."

Banyak daripada nilai dan cara hidup yang terdedah kepada rakyat negara ini amat tidak sihat dan budaya "hedonis" ini iaitu hidup untuk keseronakan

semata-mata tanpa beradab dan bermoral yang dipromosikan oleh pihak tertentu secara langsung atau tidak langsung akan merosakkan rakyat dan jatid dirinya, kata beliau.

Beliau berkata memandangkan sehingga kini tidak ada teknologi yang boleh menyekat dan menapis Internet, rakyat negara ini perlu bergantung kepada nilai dan budaya, terutama disiplin diri untuk menangkis serangan budaya asing ini.

"Oleh itu daripada kecil lagi kita perlu menyemai nilai-nilai disiplin yang tinggi di kalangan anak-anak kita," katanya.

Beliau berkata: "Jika kita tidak dapat menyemaikan di kalangan murid dan belia kita persepsi terhadap kekotoran sesetengah daripada apa yang boleh diperolehi daripada Internet, maka individu itu sendiri akan menapis yang keruh dan mengambil yang jernih. Penyemaian dan persepsi ini memerlukan perhatian dan tindakan oleh guru-guru."

Dr Mahathir berkata jika rakyat negara ini gagal mendirikan budaya menolak "kekotoran" dalam maklumat yang diterima, maka merosotlah budaya dan hilanglah jatid diri dan tamadun yang dibina.

"Asyik dengan keseronokan semata-mata, kita akan menjadi sama seperti penangih dadah yang tidak menyumbang sesuatu apapun kepada kemajuan dan pembangunan masyarakat," katanya.

Beliau berkata pengedaran bahan lucu melalui Internet dan bermacam-macam budaya yang boleh mengkhayalkan orang yang menggunakan sistem maklumat itu mempunyai potensi yang sama dengan yang berlaku kepada masyarakat yang dilemahkan melalui candu seperti apa yang alami oleh rakyat China pada abad ke-19.

Dr Mahathir juga menyampaikan anugerah Tokoh Guru kepada lima orang. Mereka termasuk bekas Ketua Nazir Sekolah, Nik Faizah Mustapha, yang merupakan wanita pertama menyandang jawatan itu. Beliau kini ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Malaysia.

Yang lain ialah bekas guru dan Tokoh Guru Melaka 1999 Haji Tawi Yaakub, bekas guru dan tokoh Guru Pulau Pinang 1999 Cheong Yong Kwong, bekas guru dan tokoh guru Sabah Haji Abdul Ghani Wahab dan pensyarah Bahasa Inggeris Kolej Inti Dr Seenivasagam Muthukumar Ponniah.

Selain itu Abdul Rashid Abdul Latif, 44, menerima Anugerah Guru Cemerlang pendidikan khas 2000, Beliau merupakan penyelaras kelas pendidikan khas bermasalah pembelajaran di SK Taman Koperasi Polis 2, Kuala Lumpur.

Beliau telah memperkenalkan pelbagai inovasi bagi memantapkan mutu pendidikan untuk murid-murid kurang upaya di sekolah tersebut meliputi 11 program termasuk terapi dengan berkuda, berenang dan berbasikal.

Guru Inovatif 2000 dimenangi oleh Hajah Rosni Abdullah dari SK Anak-Anak Angkatan Tentera, Tok Jalai, Jitra kerana program keharmonian bacaan.

Sementara itu Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Pauh, Jitra, Kedah dipilih sebagai sekolah harapan negara 2000 bagi kategori sekolah menengah luar bandar dan SK Tok Jiring, Kuala Terengganu bagi kategori sekolah rendah.

SMK St Joseph Kuching memenangi anugerah untuk kategori sekolah menengah bandar dan SK Sungai Rokam, Ipoh untuk sekolah rendah.

-- BERNAMA

HK NMO